

TARIKH	SELASA, 5 DISEMBER 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TIADA PENINGKATAN ARAS KERADIOAKTIFAN
M/S	8
BIDANG	WASTE
KATA KUNCI	WASTEWATER, FUKUSHIMA, JAPAN, MOSTI

14

Nasional

Selasa, 5 Disember 2023 BH

Pelepasan air terawat loji nuklear Fukushima

Tiada peningkatan aras keradioaktifan

IAEA laporkan pelepasan air terawat ke laut adalah terkawal

Kuala Lumpur: Hasil pemantauan melalui Sistem Pemantauan Air Spektrum Gamma (GSWMS) yang dipasang di perairan negara dalam tempoh 1 Oktober hingga 30 November lalu, mendapati tiada peningkatan aras keradioaktifan di perairan Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang, berkata pemantauan itu dilaksanakan susulan pelepasan air terawat oleh kerajaan Jepun dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik.

Beliau berkata, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) membuat kesimpulan bahawa pendekatan dan aktiviti untuk melepaskan air dirawat Advanced Liquid Processing Systems (ALPS) adalah konsisten dengan piawaian keselamatan antarabangsa yang berkaitan.

"IAEA dalam laporannya melaporkan bahawa pelepasan air terawat ke laut adalah terkawal, dilakukan secara berperingkat dan mempunyai kesan radiologi yang boleh diabaikan kepada manusia dan alam sekitar.

"Namun begitu, sebagai langkah proaktif memastikan perairan Malaysia tidak terjejas, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menerusi Jabatan Tenaga Atom melaksanakan pemantauan aras keradioaktifan di perairan negara secara berterusan melalui GSWMS yang dipasang di perairan negara di Jeti Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Koh Nai Kwong yang bertanyakan mengenai status dan impak terhadap sebarang peningkatan paras radioaktif di perairan negara berikutan pelepasan air radioaktif dirawat daripada loji nuklear Fukushima yang menimbulkan kebimbangan rakyat.

Bentang kerangka penuh AI

Sementara itu, pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Majlis Pimpinan Negeri PKR Perak 2023 di Dewan Merdeka, Tapah, malam kelmarin, Lih Kang, berkata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dijangka membentangkan kerangka penuh berkaitan kod etika kecerdasan buatan (AI) pada suku pertama tahun depan.

Beliau berkata, pembentangan itu menjurus kepada perincian berhubung garis panduan serta peraturan yang perlu dipatuhi pihak berkepentingan dalam semua sektor.

"Satu jawatankuasa khas dibentuk di bawah MOSTI untuk mewujudkan kerangka penuh berkaitan teknologi AI ini dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pemain industri.

"Perkara ini adalah satu ke-



Lih Kang pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

(Foto ihsan FB Chang Lih Kang)

perluan kerana buat masa ini tiada sebarang garis panduan atau peraturan yang diwujudkan bagi memastikan ia (AI) digunakan secara beretika oleh semua sektor," katanya.

Pada 18 September lalu, Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr Aminuddin Hassim, menjelaskan usaha membangunkan Kod Etika AI itu susulan beberapa isu ketara mengenai etika AI khususnya berkaitan privasi dan sekuriti selain kesannya kepada kehidupan manusia.

Beliau dalam kenyataan sama memaklumkan inisiatif bagi mengawal selia teknologi baharu itu turut dirangka berdasarkan saranan Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengenai Etika AI yang diperkenalkan pada November 2021.

Sementara itu, Chang berkata, pihaknya turut memberi jaminan bahawa penggunaan AI secara meluas juga bakal mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi berasaskan teknologi berkenaan.

Beliau berkata, perkara tersebut secara tidak langsung akan memberi nilai tambah khususnya daripada sudut peningkatan kemahiran atau latihan kemahiran semula kepada pekerja.

"Di pihak MOSTI sendiri kami tidak melihat teknologi AI ini akan mengambil alih tugas manusia daripada sudut pekerjaan sebaliknya pekerjaan yang akan datang bersama set kemahiran terkini melalui kapasiti latihan baharu," katanya.

BERNAMA



Loji nuklear Fukushima melepaskan air sisa radioaktif cetus kebimbangan negara serantau.

(Foto AFP)

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM